

Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia

Tajuk Dokumen : Arahan Kerja Rawatan Kanal Akar

No. Dokumen: AK/ PP/09

No. Pindaan: 0

Tarikh Berkuatkuasa: 16 Oktober 2009

1. Kenalpasti kes

- 1.1 Sebelum, semasa dan selepas rawatan, kawalan jangkitan silang hendaklah dipatuhi oleh perawat dan pembantu perawat mengikut **Guidelines on Infection Control in Dental Practice (MOH/K/GIG/20.2007 (GU))**
- 1.2 Perawat hendaklah mengenalpasti kes yang sesuai untuk rawatan kanal akar.
 - 1.2.1 Jika memerlukan radiograf rujuk **Prosedur Pengambilan Radiografi (PK/PP/12)**
 - 1.2.2 Bagi JPP, kes hendaklah dirujuk kepada PP mengikut **Prosedur Rujukan (PK/PP/08)**
 - 1.2.3 Beritahu pesakit mengenai gigi/gigi-gigi yang akan dirawat dan apa-apa komplikasi yang mungkin timbul.
- 1.3 Pembantu perawat hendaklah menyediakan peralatan dan bahan yang sesuai dengan rawatan kanal akar mengikut **Guidelines on Infection Control in Dental Practice (MOH/K/GIG/20.2007 (GU))**

2. Penyediaan Kaviti

- 2.1 Setelah kes dikenalpasti, tentukan samada anesthesia setempat diperlukan.
 - 2.1.1 Jika ya, berikan suntikan anestetik.
- 2.2 Jika tidak, setelah peralatan dan bahan telah disediakan, Perawat memulakan rawatan dengan membuat kaviti akses dan dapatkan akses ke kanal/ kanal-kanal akar gigi dengan menggunakan handpiece dan bur yang bersesuaian.
- 2.3 Setelah kanal dijumpai, bersihkan kanal pulpa jika ada.
- 2.4 Anggarkan 'panjang kerja' (working length) dengan 'file' yang bersesuaian saiznya dan penggunaan X-ray (mengikut **Prosedur Pengambilan Radiografi (PK/PP/12)**) atau Apex Locator (mengikut arahan pengeluar).
- 2.5 Pastikan 'panjang kerja' gigi yang dirawat dan catat di dalam kad rawatan.

3. Penyediaan Biomekanikal

- 3.1 Perawat jalankan penyediaan biomekanikal.

Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia

Tajuk Dokumen : Arahan Kerja Rawatan Kanal Akar

No. Dokumen: AK/ PP/09

No. Pindaan: 0

Tarikh Berkuatkuasa: 16 Oktober 2009

3.1.1 Irigasi dengan larutan 'sodium hipoclorite/normal saline' tertentu pada setiap langkah biomekanikal.

3.2 Keringkan kanal dengan poin kertas dan dressing kanal akar diletakkan.

4. Lawatan Berikutnya

4.1 Pada lawatan yang berikutnya, jika terdapat apa-apa simptom, kenalpasti puncanya.

4.1.1 Keputusan dibuat untuk tindakan/rawatan susulan.

4.2 Beritahu pesakit tentang rawatan lanjutan yang akan dilakukan.

4.3 Jika tiada simptom, buang dressing dan tentukan samada dressing perlu dibuang atau tidak.

4.3.1 Jika dressing perlu diulangi; ulangkan penyediaan biomekanikal hingga ke saiz 'file' yang sepatutnya.

4.3.2 Kanal diirigasi, dikeringkan dan diletakkan dressing.

4.3.3 Jika dressing tidak perlu diulangi, ulangi penyediaan biomekanikal kanal dan keringkan.

5. Pemasatan 'Gutta Percha'

5.1 Pilih Poin/poin-poin gutta percha mengikut saiz 'file' yang terakhir dan dicuba ke dalam kanal akar.

5.1.1 Jika memerlukan, **Prosedur Radiografi (PK/PP/12)** adalah dirujuk.

5.2 Padatkan gutta percha ke dalam kanal akar.

5.3 Kaviti akses ditampal dengan tampalan sementara atau kekal mengikut keadaan gigi.

5.4 Jika ditampal dengan tamplan sementara, panggil pesakit pada lawatan yang seterusnya, jika tiada simptom, tampalkan kaviti akses.

Disediakan oleh: Dr Siti Norhazlin Binti Mohd Said; t/t:

Disemak oleh 1 : Dr Asilatul Hana Binti Abdullah Sani; t/t:

Disemak oleh 2: Dr Ahmad Termizi Bin Zamzuri; t/t:

Diluluskan oleh: Dr Hasenah Binti Mod Zaki, Pengarah; t/t: